

SOALAN LAZIM

- WINDSCREEN
- PERBEZAAN 1ST PARTY COMPREHENSIVE, 3RD PART FIRE & THIEF DAN 3RD PARTY
- PERBEZAAN AGREED VALUE, MARKET VALUE DAN UNDER-INSURED
- BETTERMENT
- DIGITAL ROADTAX
- NCD (NO CLAIM DISCOUNT)
- MACAM MANA KLIEN NAK DAPAT NO.POLISI INSURAN SEMASA DIA?
- INSURAN BOLEH DIPERBAHARUI SELEPAS ROADTAX MATI LEBIH 3TAHUN?
- APA YANG MEMBEZAKAN HARGA SETIAP POLISI INSURAN?
- SEBUT HARGA YANG KITA DAPAT HARI INI SAH UNTUK BERAPA LAMA?
- TAMBAH NAMA PEMANDU LAIN
- TOWING
- CART
- SPECIAL PERILS
- AKSESORI KERETA
- RUSUHAN & KEMUSNAHAN AWAM
- HARGA CUKAI JALAN (ROADTAX)
- CARA TUKAR NAMA KENDERAAN
- CUKAI JALAN KERETA DAH MATI LEBIH DARIPADA 2 TAHUN. BAGAIMANA NAK DIHIDUPKAN SEMULA?
- Kalau saya beli kereta secara cash, boleh tidak saya mengambil insurans sendiri tanpa perlu guna insurans yang kedai kereta suruh saya ambil?

WINDSCREEN

1. INSURANS CERMIN KERETA: APA YANG ANDA PERLU TAHU?

Insurans cermin kereta adalah perlindungan tambahan dalam polisi insurans kenderaan komprehensif yang melindungi cermin hadapan, belakang, sisi, dan sunroof daripada kerosakan akibat kemalangan atau insiden lain. Dengan perlindungan ini, pemilik kenderaan dapat membuat tuntutan untuk pembaikan atau penggantian cermin tanpa menjejaskan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) mereka.

Prosedur Menggunakan Panel Insurans Cermin Kereta Jika Cermin Retak:

1. **Periksa Polisi Insurans Anda:** Pastikan polisi insurans kenderaan anda merangkumi perlindungan cermin kereta. Perlindungan ini biasanya ditawarkan sebagai tambahan kepada polisi komprehensif.
2. **Hubungi Syarikat Insurans:** Segera hubungi syarikat insurans anda untuk melaporkan kerosakan cermin. Mereka akan memberikan panduan lanjut dan senarai bengkel panel yang diiktiraf.
3. **Buat Laporan Polis (Jika Perlu):** Jika kerosakan cermin disebabkan oleh kemalangan atau perbuatan khianat, anda mungkin perlu membuat laporan polis dalam tempoh 24 jam selepas kejadian. Semak dengan syarikat insurans anda mengenai keperluan ini.
4. **Bawa Kenderaan ke Bengkel Panel:** Hantar kenderaan anda ke bengkel panel yang diiktiraf oleh syarikat insurans. Pihak bengkel akan membantu dalam proses tuntutan dan pembaikan.
5. **Sediakan Dokumen Diperlukan:** Dokumen yang biasanya diperlukan termasuk:
 - Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan
 - Salinan lesen memandu pemilik kenderaan
 - Salinan geran kenderaan
 - Salinan polisi insurans
6. **Proses Tuntutan dan Pembaikan:** Pihak bengkel akan menguruskan proses tuntutan dengan syarikat insurans. Setelah tuntutan diluluskan, pembaikan atau penggantian cermin akan dilakukan. Anda biasanya tidak perlu mengeluarkan sebarang kos jika jumlah tuntutan tidak melebihi had perlindungan yang ditetapkan.

Nota Penting:

- **Had Tuntutan:** Anda boleh membuat tuntutan beberapa kali selagi jumlah keseluruhan tuntutan tidak melebihi had perlindungan yang ditetapkan dalam polisi anda. Contohnya,

jika had perlindungan adalah RM1,000 dan tuntutan pertama berjumlah RM400, baki RM600 masih boleh digunakan untuk tuntutan seterusnya dalam tempoh polisi tersebut.

- **Kesan Terhadap NCD:** Tuntutan di bawah perlindungan cermin kereta biasanya tidak menjejaskan NCD anda, membolehkan anda menikmati diskaun premium pada pembaharuan polisi seterusnya.
- **Perlindungan Tambahan:** Jika polisi anda tidak merangkumi perlindungan cermin, anda masih boleh membuat tuntutan di bawah polisi komprehensif. Namun, ini akan menjejaskan NCD anda dan meningkatkan premium pada tahun berikutnya. Oleh itu, adalah disarankan untuk menambah perlindungan cermin semasa memperbaharui insurans kenderaan anda.

Dengan memahami dan mengikuti prosedur ini, anda dapat memastikan proses tuntutan insurans cermin kereta berjalan lancar dan efisien.

Panel windscreen untuk **takaful ikhlas** - click link di bawah

<https://docs.google.com/spreadsheets/d/1CKZQUWwC0bm0UudokwOGAbof-FvwtKr0Cmq3ldCkTFY/edit?usp=sharing>

PERBEZAAN 1ST PARTY
COMPREHENSIVE, 3RD PART
FIRE & THIEF DAN 3RD
PARTY

**APABILA ADRIANA BAGI KITA
SEBUT HARGA, KITA SELALU
NAMPAK KELAS SANA TULIS
1ST PARTY COMPREHENSIVE
ATAU 3RD PARTY FIRE & THIEF
ATAU 3RD PARTY, JADI APA
SEBENARNYA PERBEZAAN
ANTARA PERLINDUNGAN 3
KELAS INI?**

1. 1ST PARTY COMPREHENSIVE

Insurans 1st party atau sering disebut insurans komprehensif ialah perlindungan menyeluruh kepada kereta dan pemandu sekiranya berlaku kereta breakdown, berlaku kemalangan, kebakaran, cubaan pencurian, objek terjatuh ke atas kereta anda seperti pokok tumbang atau orang baling barang, baik pulih tepi jalan, dan tundaan kerosakan pada 50km pertama secara percuma (tertakluk kepada penyedia insuran). Insurans 1st party akan melindungi dan membayar ganti rugi apabila anda mengalami masalah tersebut. Bila berlaku kemalangan atau kerosakan, insurans akan cover terus.

Biasanya 1st party insuran disediakan kepada kereta berusia bawah 20 tahun sahaja

Selain mengetahui apa yang insurans cover, anda pun harus faham apa yang insurans tak cover. Misalnya wang sewaan kereta lain semasa kereta anda dalam proses baik pulih dan kerosakan tayar dan enjin kereta pada masa yang sama.

Pelbagai manfaat tambahan disediakan di mana kita boleh cuma perlu tambah sedikit duit untuk dapatkan perlindungan seperti bencana alam, cermin besar, unlimited towing dan lain-lain manfaat tambahan bergantung kepada penyedia insuran.

2. 3RD PARTY FIRE & THEFT

3rd party fire and theft maksudnya terkecuali dari cover kemalangan. Tujuan utama bagi insurance adalah membuat tuntutan dalam membaiki kenderaan mahupun melindungi kenderaan lain.

3rd party fire and theft car insurance akan melindungi kenderaan lain yang terlibat dalam kemalangan. Jika disabitkan kesalahan, maka jika anda melibatkan kenderaan lain, kenderaan tersebut boleh membuat claim ke atas insurans kereta anda.

Kelebihannya adalah 3rd party fire theft car insurance anda masih boleh melindungi kereta anda jika berlakunya sebarang kecurian atau kebakaran. Namun, tidak untuk kemalangan jalan raya.

Bagi kereta lama sering menjadi isu dari segi harga insurans. Ada yang nak kan harga 3rd party fire and theft car insurance quotes yang murah dan sekadar boleh mengeluarkan roadtax kereta.

Namun, syarat bagi pemilik kenderaan mengambil 3rd party fire and theft insurance ini berbeza-beza mengikut jenis kenderaan dan tertakluk kepada nilai yang disediakan oleh sesebuah syarikat insurans.

Cover bagi insurans ini mengutamakan kenderaan 15 tahun dan ke atas. Dan perlu diingatkan bahawa manfaat tambahan tidak boleh ditambahkan ke atas polisi 3rd party fire and theft ini.

3. 3RD PARTY

Insurans *3rd party* atau turut disebut sebagai insurans pihak ketiga merupakan polisi insurans yang menyediakan perlindungan paling asas. Sama seperti namanya, polisi ini hanya menyediakan perlindungan untuk pihak ketiga sahaja, iaitu pihak yang dilanggar oleh anda.

Dengan memiliki polisi ini, segala kerosakan pada kenderaan anda perlu ditanggung oleh anda sendiri (jika kemalangan berpunca daripada anda). Tiada tuntutan boleh dibuat untuk kenderaan anda, dan polisi insurans anda itu hanya akan membayar pampasan untuk pihak ketiga, iaitu pihak yang dilanggar oleh anda.

Untuk memahami dengan lebih lanjut, sila lihat contoh-contoh situasi di bawah:

1. **Anda melanggar tiang lampu isyarat lalu kenderaan anda rosak teruk. Bolehkah anda membuat tuntutan jika memiliki polisi insurans pihak ketiga? - TIDAK**

2. **Anda terlanggar haiwan ketika memandu. Bolehkah anda membuat tuntutan bawah polisi pihak ketiga? - TIDAK**
3. **Kereta anda terbakar. Bolehkah anda membuat tuntutan bawah polisi pihak ketiga? - TIDAK**
4. **Kereta anda dicuri. Adakah pihak insurans akan membayar pampasan sekiranya anda pada ketika itu memiliki polisi pihak ketiga? - TIDAK**
5. **Kereta anda melanggar kenderaan lain dan rosak teruk. Bolehkah anda menuntut insurans untuk baiki kerosakan pada kereta anda? - TIDAK**
6. **Kereta anda terlanggar kereta lain dan pihak tersebut ingin membuat tuntutan insurans di bawah polisi insurans pihak ketiga yang anda miliki. Adakah ia dibolehkan? - YA**

PERBEZAAN AGREED VALUE, MARKET VALUE DAN UNDER- INSURED

**APABILA ADRIANA BAGI KITA
SEBUT HARGA, KITA SELALU
NAMPAK NILAI PERLINDUNGAN
SANA TULIS AGREED VALUE
ATAU MARKET VALUE ATAU
UNDER INSURED, JADI APA
SEBENARNYA PERBEZAAN
ANTARA 3 JENIS NILAI
PERLINDUNGAN INI?**

1. AGREED VALUE

AGREED VALUE adalah nilai perlindungan yang dipersetujui. Ini bermaksud, apabila anda perbaharui insuran dan cukai jalan, jumlah perlindungan kereta anda tidak akan susut sepanjang tahun itu.

Penjelasannya ;

Andaikan jumlah perlindungan kereta anda tahun ini adalah RM50,000, maka nilainya tetap RM50,000 sehingga anda perbaharui takaful dan cukai jalan pada tahun hadapan.

2. MARKET VALUE

MARKET VALUE, jumlah perlindungan kereta anda boleh menyusut setiap bulan berdasarkan nilai pasaran semasa. Haa, ini ramai yang tidak tahu.

Penjelasannya ;

Walaupun dalam *cover note* dinyatakan jumlah perlindungan kereta anda pada tahun ini adalah RM50,000 (contoh), tetapi sekiranya berlaku kemalangan (semoga dijauhkan), pihak insuran tidak akan bayar tepat RM50,000.

Mereka akan bayar kurang.

Mungkin RM45,000 mungkin juga RM40,000 sahaja.

Ini bergantung kepada **nilai pasaran kereta anda semasa kemalangan itu berlaku.**

Itulah maksudnya **market value** = nilai pasaran.

3. UNDER INSURED

Apakah erti “Under-Insurance” atau Terkurang Insurans?

Under-insurance adalah suatu keadaan di mana nilai perlindungan insurans adalah kurang dari nilai sebenar (nilai pasaran) untuk melindungi harta atau aset yang diinsuranskan, seperti rumah atau kenderaan anda. Kami akan memudahkan pemahaman dengan beberapa contoh.

Contoh under-insurance bagi insurans kereta adalah seperti di mana seseorang

membeli insurans kenderaan dengan nilai perlindungan bagi sebuah kereta Perodua Myvi walaupun kereta yang diinsuranskan sebenarnya adalah sebuah BMW. Jika berlakunya kemalangan atau kecurian, beliau mungkin berfikirannya yang beliau akan mendapat pampasan dengan nilai bersamaan dengan kereta Myvi tadi, tapi pada hakikatnya, beliau akan mendapat pampasan yang lebih rendah daripada itu.


Apa ertinya under-insurance dalam insurans kenderaan

1) Bagi kes kecurian

Chong memiliki kereta di mana ketika beliau memperbaharui insuransnya, nilai pasaran kereta itu adalah RM 50,000. Tetapi kerana Chong ingin berjimat, dia telahpun menginsuranskan keretanya


pada nilai RM 30,000. Malangnya keretanya dicuri tidak lama kemudian. Memang sah lah beliau tidak mungkin akan dapat membuat tuntutan bagi nilai pasaran keretanya pada RM 50,000. Di sini saja telah pun terdapat satu kerugian besar.

Lebih malang lagi, kerana Chong terlah terkurang insurans (under-insured) keretanya dalam contoh ini, sebanyak 40%, dia tidak akan mendapat pampasan penuh iaitu RM30,000 tetapi hanya 60% daripada nilai insuransnya. Ini adalah kerana termasuknya “klausa purata”. Pengiraannya adalah seperti berikut:



Ini bermakna Chong hanya akan mendapat pampasan sebanyak RM 18,000!

Walaupun bagaimanapun, ingin kami menerangkan di sini bahawa nilai yang boleh dituntut adalah berdasarkan nilai pasaran di waktu tuntutan dibuat. Bagi contoh di atas, jika pada waktu tuntutan dibuat, nilai kereta Chong telah jatuh kepada RM 45,000, maka di sini Chong akan diberi pampasan RM 20,000.



Lebih murah tidak berarti lebih baik!

Apa yang membimbangkan adalah ramai antara pengguna Malaysia tidak sedar bahawa mereka sebenarnya mengamalkan under-insurance untuk insurans kenderaan mereka. Adakalanya, ejen/ ejensi insurans mengurangkan nilai insurans untuk merendahkan kadar premium pelanggan. Kadar premium yang rendah mungkin menyenangkan anda sekarang, tetapi jika berlakunya kecelakaan, mungkin pula anda akan rasa tertipu. Inilah antara sebab pentingnya


bagi anda memiliki ejen atau perunding yang boleh anda percayai, seseorang ejen yang akan menjaga kepentingan anda sebagai pelanggan.

2) Bagi kes kemalangan

Kereta baru Siti bernilai RM 80,000, dia juga ingin menjimatkan wangnya maka dia menginsuranskan keretanya pada nilai RM 60,000. 8 bulan kemudian dia bertemu kemalangan jalanraya di mana dia terpaksa membuat tuntutan dari polisi komprehensifnya. Jumlah yang diperlukan untuk menampung kos membaiki keretanya adalah RM 10,000, di mana nilai pasaran pada waktu tuntutan dibuat adalah RM 75,000.

Sama seperti contoh pertama, klausa purata diambil kira. Siti hanya akan

menerima RM 8,000 sebagai pampasan dan bukan RM 10,000. Kos selebihnya (RM 2,000) perlu dibiayai oleh Siti sendiri. Pengiraannya seperti berikut.



Jadi, apa yang telah kita pelajari dari sini?

Semua contoh yang telah dikemukakan di atas menunjukkan kerugian besar dari segi kewangan jika berlakunya tuntutan. Jika anda seorang pengguna yang berpengalaman membeli/ membayar insurans, anda pun mungkin sedar bahawa penjimatan yang anda dapat tidak lah sebanyak mana pun jika anda

menurunkan nilai insurans, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan risiko kerugian yang mungkin anda akan hadapi.

Apakah risiko lain berkenaan Under-insurance?

Kita mungkin berfikiran, “tidak apa lah, sekurang-kurangnya kita masih lagi dapat pampasan, tidak lah seteruk mana jika terkurang insurans”. Tidak semestinya! Jika adanya terkurang insurans (under-insurance), anda akan dibayar pampasan JIKA anda bernasib-baik! Ini adalah kerana syarikat insurans anda mempunyai hak untuk membatalkan polisi anda.

Anda perlu bertanya diri sendiri adakah ianya berbaloi untuk mengambil risiko seperti ini. Di mana anda berjimat beberapa ratus ringgit dalam pembayaran

premium tetapi menanggung
kemungkinan kerugian beratusan ribu
ringgit.

BETTERMENT



PEGUAM & PENGGUNA MALAYSIA (PPM)



Anonymous member · 1 d ·

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Mohon pandangan pada situasi saya. Kereta saya berusia 7 tahun dan telah dilanggar dari belakang.

Pihak bengkel mengatakan bahawa kerana usia kereta melebihi 5 tahun ke atas, saya perlu menampung sendiri bayaran sparepart barang - seperti lampu dan sensor.

Saya ada insurans etiq platinum yang dilanggan melalui bjak.

Ini kali pertama saya terlibat dalam kes sebegini.

Adakah betul yang dikatakan pihak bengkel? Sudahlah saya yang dilanggar, mencarum insurans sentiasa tapi tetap perlu membayar.

Mohon pandangan segera

Terima kasih

APAKAH ITU BETTERMENT SEPERTI KES DI ATAS?

Jawapan yang lebih tepat adalah dia jatuh bawah BETTERMENT bermaksud kereta melebihi usia 5 tahun sebenarnya tetapi ada sesetengah syarikat insuran melanjutkan sampai tahun ke-6, ada setengah syarikat melanjutkan sampai tahun ke-7 tetapi kebiasaannya adalah melepasi 5 tahun dia akan jatuh bawah BETTERMENT.

Apa itu BETTERMENT pula? BETTERMENT adalah kadar tambahan kos yang perlu pemegang polisi (pemilik kenderaan) tanggung semasa membuat tuntutan. BETTERMENT adalah sejenis caj yang

dikenakan oleh pihak syarikat insurans memandangkan kenderaan tersebut dia dah ada penggunaan dan kerosakan (wear and tear) maksudnya dia dah ada kehausan barang-barang tersebut, jadi ini tidak adil syarikat insuran membayar pada harga yang baru. Contoh BETTERMENT kereta itu dah usia 7 tahun seperti kes ini jadi dah tentu untuk kereta yang dah tahun-7, mungkin absorpber dah haus mungkin caat dah pudar, mungkin ada bodypart yang dah longgar atau pecah. Jadi bila dia kemalangan, dia berharap semua itu bertukar jadi baru, jadi tidak adil kerana konsep insuran bukan menggantikan kepada keadaan baru tapi kepada keadaan

asal.

Insurans ini dia menggantikan sesuatu kepada keadaan asal sama dalam bentuk barangan atau kewangan, itu konsep dia. Jadi bila berlaku macam ini, secara automatik insuran tak kan bayar penuh. Jadi bila tak kan bayar penuh, mungkin dia kena tanggung kos sekitar 15 peratus daripada kos keseluruhan. Kalau kos repair itu 10,000, 1,500 dia kena top-up sendiri, itu panggil BETTERMENT. Jadi maksimum BETTERMENT ini 30 peratus.

Kemudian melibatkan spare part seperti lampu dan sensor, betul, kita kena bayar sendiri. Seperti contoh

kalua dekat medical card kita pun tahu untuk rawatan automatik tak ada masalah untuk insurans bayar GL lulus, tetapi untuk barangan/ barang-barang tambahan itu tak ada syarikat insurans yang boleh cover. Apa dia? Contohnya kalau kita kena masuk bateri dalam jantung, kos rawatan seperti kos pembedahan, caj doktor dan seumpamanya semua cover tetapi bateri itu kena beli pakai duit sendiri sama lah macam kes ini, lampu dan sensor, biasanya insurans tak kan cover, atas senang cakap aksesori semua insuran tak cover. Apa sahaja aksesori biasanya company tak cover.

Walaupun bagaimanapun, kita ada manfaat tambahan berbentuk

WAIVER OF BETTERMENT macam **WAIVER OF POLICY**. Kita ada **WAIVER OF BETTERMENT**, selain **WAIVER OF BETTERMENT**, kita ada manfaat aksesoris kendaraan. Jadi kalau ke 2-2 ini ditambah dalam polisi dapat membantu seandainya terlibat dengan kemalangan dan kendaraan berusia lebih dari 5 tahun, jadi dia akan **WAIVE** kan **BETTERMENT** itu dan dia juga cover sekali aksesoris kereta.

DIGITAL ROADTAX

“

Lesen Memandu Digital (e-LMM) & Cukai Jalan Digital (e-LKM) Online MyJPJ

Pelekat Lesen Kenderaan Bermotor (LKM) atau lebih dikenali sebagai ‘roadtax’, tidak lagi perlu dipamerkan pada kenderaan persendirian milik rakyat Malaysia.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/02/1062228/boleh-tanggal-cukai-jalan-di-cermin-kenderaan-mulai-hari-ini>

Mulai 10 Februari 2023, pemilik kenderaan persendirian yang merupakan warganegara boleh menggunakan mod paparan LKM Digital (e-LKM) dan LMM Digital (e-LMM) melalui Portal Awam JPJ atau Aplikasi Mobile MyJPJ di bawah satu projek perintis (secara in-house).

Perkara itu diumumkan oleh Menteri Pengangkutan, Anthony Loke menerusi sebuah kenyataan media berkenaan Inisiatif Pendigitalan Perkhidmatan Teras JPJ.

Peruntukan di bawah Seksyen 20 Akta Pengangkutan Jalan yang mewajibkan lesen kenderaan

*bermotor dipamerkan pada
kenderaan, tidak lagi akan
dikuatkasakan.*


Menurut perkongsian terkini di media sosial, mulai 1 Ogos 2023, tiada lagi pengeluaran cukai jalan atau road tax kereta fizikal oleh pihak JPJ.

Jika anda nak menyemak cukai jalan kereta anda, boleh menggunakan aplikasi MyJPJ.

Anda perlu mendaftar untuk menggunakan aplikasi tersebut yang didaftarkan atas kad pengenalan anda.

Anda boleh menyemak cukai jalan kenderaan yang didaftarkan atas nama anda sahaja.

Berikut dikongsikan lebih lanjut tentang persoalan-persoalan berkaitan pelaksanaan baharu ini serta cara untuk daftar dan membuat semakan cukai jalan dan lesen memandu secara digital.



1) Adakah wajib untuk download apps “MyJPJ”?

Tidak. Ia adalah salah satu opsyen sahaja untuk mendapat salinan digital untuk road tax dan lesen memandu.

2) Kalau tak dapat download apps MyJPJ sekarang dan tak dapat tunjuk digital road tax, adakah saya akan disaman?

Tidak. Pihak penguatkuasa boleh mengesahkan status road tax dan lesen melalui sistem dalam gadget penguatkuasaan.

3) Adakah road tax dan lesen memandu masih perlu dibayar selepas tempoh sah tamat?

Ya. Perlu dibayar. Hanya sticker tak perlu ditampal.

4) Kalau warga emas yang tak ada smart phone dan kawasan yang tak ada internet, macam mana?

Jangan bimbang, digital format bukan diwajibkan. Masih boleh dapatkan sticker road tax dan lesen fizikal dari JPJ sekiranya perlu.

5) Kalau kereta bukan dipandu oleh pemilik, macam mana tunjukkan digital road tax?

Senang sahaja, digital road tax boleh dicetak dalam kertas dan simpan dalam kereta. Namun, kalau tak dapat tunjuk bukti pun, bukan satu kesalahan...pihak penguatkuasa akan check butiran dalam

gadget mereka.

6) Mengapa saya tak dapat login MyJPJ sejak pagi tadi?

Seperti mana-mana sistem yang baru, sudah tentu ramai orang ingin mendaftar pada masa yang sama. Trafik yang sangat tinggi.

Menurut Loke, beliau sedar dalam apa sahaja proses perubahan, ia akan mengambil masa untuk disesuaikan. Ada pihak yang tidak akan setuju dengan perubahan tersebut dan menghormati semua pandangan serta cuba menguruskan perubahan sebaik mungkin

Beliau juga menegaskan bahawa beliau bersama pasukan MOT dan JPJ akan cuba memperbaiki sebarang kelemahan yang

timbul dalam proses perubahan ini.

Cara Semakan Cukai Jalan (e-LKM) & Lesen Memandu (e-LMM) Online MyJPJ

Berikut dikongsikan cara membuat semakan dan pendaftaran bagi eLKM dan eLMM di Portal MyJPJ online dengan menggunakan ID MySikap Awam.

LOG MASUK MENGGUNAKAN ID AWAM MYSIKAP

1. Daftar sebagai pengguna MySikap melalui pautan

<https://public.jpj.gov.my/>

2. Muat turun aplikasi MyJPJ

3. Log masuk ke aplikasi MyJPJ menggunakan ID MySikap
4. Buat semakan lesen memandu digital dan cukai jalan secara online.

DOWNLOAD APLIKASI MYJPJ:

1. Google Playstore :
https://play.google.com/store/apps/details?id=com.jpj.jpj_info
2. Apple App Store :
<https://apps.apple.com/my/app/myjpj/id6443821311>

**SEMAKAN LESEN MEMANDU DAN
CUKAI JALAN DIGITAL**

Setelah berjaya log masuk, anda boleh melihat pelbagai perkhidmatan secara atas talian yang boleh dilakukan.

Antaranya:

1. Bidaan nombor kenderaan
2. Semakan nombor terkini
3. Semakan lesen kenderaan
4. Semakan lesen memandu
5. Semakan keputusan Ujian
6. Semakan saman
7. Semakan senarai hitam


Selain pendaftaran online, anda juga boleh mendapatkan ID MySikap melalui mana-mana kiosk JPJ berdekatan, kaunter JPJ, atau mana-mana kaunter bergerak kenderaan JPJ Mobil.

Orang awam digalakkan mendaftar akaun MySikap masing-masing secara digital melalui portal awam JPJ [<https://public.jpj.gov.my/>] ataupun aplikasi mobile MyJPJ.


I) SEMAKAN LESEN MEMANDU (eLMM)

Semakan lesen memandu boleh dilakukan melalui aplikasi ini dengan memilih menu SEMAKAN LESEN MEMANDU.


Berikut adalah paparan yang akan anda lihat :




Anda boleh memuat turun lampiran eLKM seperti di bawah:





II) SEMAKAN LESEN KENDERAAN MOTOR eLKM (CUKAI JALAN / ROAD TAX)





RUJUK PANDUAN PENUH :





NCD (NO CLAIM DISCOUNT)

1. APAKAH ITU NCD?

NCD (No Claim Discount) adalah diskaun yang diberi kepada anda oleh pihak insurans sekiranya anda tidak membuat sebarang tuntutan insurans sepanjang tahun yang lalu.

Sebagai contoh, anda beli kereta pada tahun 2020. Sekiranya anda tidak melakukan tuntutan ke atas insurans anda untuk kemalangan, anda akan diberikan NCD pada tahun 2021 untuk pembaharuan insurans.

Jumlah diskaun NCD ini diberikan antara 25%-55% bergantung kepada berapa lama anda tidak melakukan

tuntutan. Lagi lama, lagi tinggi diskaun.

Dan NCD ini juga ditentukan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), dan setiap syarikat diwajibkan ikut.

2. KADAR NCD INSURANS DI MALAYSIA

Di Malaysia, kadar NCD adalah berbeza untuk kenderaan persendirian dan kenderaan komersil/motorsikal. Untuk kenderaan persendirian, diskaun maksima yang diberikan adalah sehingga 55% manakala untuk

kenderaan komersil/motosikal hanya sehingga 25% diskaun.

Nak semak berapa NCD kereta anda yang terkini, anda boleh semak secara atas talian di MY CAR INFO . Ianya adalah percuma! Hanya perlu masukkan beberapa maklumat kereta anda dan ananda akan dapat lihat berapa nilai NCD semasa anda.

MALAYSIA NO-CLAIM DISCOUNT (NCD) RATE

No-Claim Period	Private Vehicle	Commercial / Motorcycle
1st Year	0%	0%
2nd Year	25%	15%
3rd Year	30%	20%
4th Year	38.33%	25%
5th Year	45%	25%
6th Year onwards	55%	25%

**3. LINDUNGI NCD ANDA
DARIPADA TUNTUTAN KECIL**

Sungguhpun kereta anda dilindungi insurans, tapi tidak semestinya anda perlu buat tuntutan untuk segala jenis kerosakan kenderaan kereta anda. Apatah lagi sekiranya kerosakan yang terlibat adalah kerosakan kecil.

Sebaiknya, lakukan sedikit kira-kira terlebih dahulu untuk mengira kos pembaikan vs penjimatan NCD yang bakal anda hilang. Sebagai contoh :

Kos Pembaikan Kereta : RM600

NCD terkini kereta : 55%

Harga insurans tahunan : RM1,200

Sekiranya anda lakukan tuntutan insurans untuk baiki kerosakan RM600 kereta anda, tahun hadapan anda akan perlu bayar harga insurans tanpa sebarang diskaun (RM1,200) berbanding harga

dengan diskaun (RM540).

Dan anda perlukan 5 tahun untuk dapatkan kembali nilai NCD 55% anda! Amatlah rugi!

Namun, tidak semua jenis tuntutan insurans menghilangkan NCD anda. Dalam sesetengah kes, anda masih mampu mengekalkan NCD kereta. Misalnya :

Kemalangan Bukan Salah Anda –

Sekiranya anda dapat buktikan yang anda tidak bersalah, bukan punca berlakunya kemalangan (harus dibuktikan di dalam laporan polis), anda boleh lakukan tuntutan insurans pada kereta pesalah dan NCD anda tidak akan terusik.

Penggantian Cermin Kereta –

Sekiranya anda ada insurans tambahan untuk perlindungan cermin kereta, anda boleh lakukan tuntutan tanpa mengakibatkan NCD anda hilang. Namun sekiranya anda tiada insurans tambahan untuk cermin kereta, anda masih boleh buat tuntutan, namun NCD kereta anda akan kembali kepada 0% tahun hadapan.

4. FAKTA MENGENAI NCD KERETA

Beberapa fakta lain yang perlu anda tahu mengenai NCD kereta anda.

1. NCD terikat pada individu bukan kereta – Anda boleh pindahkan NCD dari

kereta A kepada kereta B, tapi anda tak boleh pindahkan kepada orang lain.

2. NCD anda terpakai untuk semua syarikat – Sekalipun anda tukar dari syarikat insurans A ke syarikat insurans B, NCD tetap akan diberikan dan nilainya adalah tetap berdasarkan jadual.

3. NCD hilang sekiranya dituntut pihak ketiga – Meskipun anda tidak buat sebarang tuntutan, NCD anda boleh hilang sekiranya ianya dituntut oleh pihak ketiga. Namun tuntutan pihak ketiga hanya boleh dibuat apabila anda dibuktikan bersalah oleh pihak penguatkuasa.

**5. KALAU SAYA SUDAH
MEMPERBAHARUI INSURAN
KERETA SAYA TETAPI SAYA
SUDAH LUPA PINDAH NCD
SAYA, APA BOLEH SAYA BUAT?**

**JAWAPAN: ANDA BOLEH HANTAR
BORANG ENDORSEMENT UNTUK BUAT
TUNTUTAN REFUND DARIPADA
SYARIKAT INSURAN DAN BIASA AKAN
MENGAMBIL MASA 2 MINGGU WAKTU
BEKERJA UNTUK DAPAT BALIK DUIT
REFUND**

MACAM MANA KLIEN NAK DAPAT NO.POLISI INSURAN SEMASA DIA?

Klien hanya boleh mendapatkan no.polisi dan minta salinan polisi (cover note) semasa dia dengan 2 cara:

- a. Semak balik dengan insuran ejen yang dia ambil polisi ini**
- b. Rujuk balik kepada syarikat insuran polisi ini**

INSURAN BOLEH DIPERBAHARUI SELEPAS ROADTAX MATI LEBIH 3TAHUN?

Tidak boleh! Andai kata roadtax kenderaan dah mati lebih 3 tahun atau lebih tepat roadtax kenderaan dah mati lebih 36 bulan, maka kenderaan tersebut perlu masuk ke PUSPAKOM mendapatkan kelulusan sebelum kenderaan tersebut dapat membaharui insuran dan roadtax.

APA YANG MEMBEZAKAN HARGA SETIAP POLISI INSURAN?

Nilai perlindungan dan manfaat tambahan

Contoh: Myvi baru 1.5 & Honda 1.5 - 55 NCB.. Kenapa insuran sama harga? Ia nya kerana harga insuran ditentukan berdasarkan nilai perlindungan semasa (AGREED VALUE atau MARKET VALUE), risiko model kenderaan tersebut di atas jalan raya serta nisbah tuntutan model kenderaan tersebut sepanjang tahun.

**SEBUT HARGA YANG KITA
DAPAT HARI INI SAH UNTUK
BERAPA LAMA?**

Sebut harga yang Affiliate dapat hari ini sepatutnya sah selama 30 hari.

Walaupun bagaimanapun, jika klien nak ambil selepas hari ini, lebih baik Affiliate buat semakan dengan Adriana disebabkan hari lain harga akan berubah-ubah bergantung pada perubahan market value setiap kenderaan di ISM sistem.

TAMBAH NAMA PEMANDU LAIN

Bila eksiden berlaku pada pemandu yang tak didaftarkan, bayaran tambahan sebanyak RM400 akan dikenakan.

Uish mahal jugak tu! Jadi, perlu lah ada additional permitted driver untuk isteri ke, anak-anak, adik-beradik atau ibu bapa.

Ataupun, boleh jugak nak ambil insurans add-on yang cover semua pemandu. Siapa-siapa je boleh pandu kereta anda dan dapat perlindungan.

Kereta peribadi yang didaftarkan di bawah syarikat memang disarankan

**untuk ambil insurans tambahan ni.
Semua pemandu termasuk staff yang
guna kereta akan perlindungan.**

TOWING

Ambil insurans tambahan untuk towing sebab syarikat towing selalu ada limit jarak [km]. Ada yang 50km, 150km, 200km untuk pergi dan balik. Ada dua jenis towing iaitu towing untuk breakdown dan towing untuk kemalangan.

Bagi yang selalu ke sana ke sini untuk outstation, kalau tiba-tiba apa terjadi kat kereta mesti mahal nak tarik kereta sampai ke tempat anda. Lebih baik ambil Unlimited Towing sebab semua jarak dan semua jenis towing akan dicover.

CART

Cart ni adalah claim yang boleh kita buat bila kereta masuk bengkel untuk repair. Kita boleh claim RM50 atau RM100 sehari untuk 7 hari, 14 hari atau sebulan.

Yelah, repair kereta bukan kejam. Tapi, anda boleh claim kalau ada insurans tambahan ni je! Kalau tak ada, memang tak dapat la.

SPECIAL PERILS

Tahu tak kalau kereta tenggelam banjir ke pokok tumbang atas kereta sebab ribut ke, insurans komprehensif tak cover?

Haa sebab tu pentingnya kena ambil insurans tambahan ni. Bencana alam boleh berlaku pada bila-bila masa je! Jadi, kereta anda akan dapat perlindungan dari bencana alam.

Premium untuk perlindungan ni adalah 0.5% dari sum insured. Tapi, peratusannya berbeza bagi syarikat insurans dan Takaful. Anda boleh request pada syarikat insurans untuk tambah add-on ni.

AKSESORI KERETA

Siapa yang suka belanja duit banyak untuk aksesoris kereta, baik ambil add on ni!

Boleh dapat pampasan untuk aksesoris kereta kalau ada kecurian atau kerosakan yang terjadi disebabkan oleh kemalangan atau cubaan mencuri. Tapi, tayar yang rosak atau kena curi tak dapat perlindungan tau.

RUSUHAN & KEMUSNAHAN AWAM

Coverage ni untuk melindungi kereta dari apa-apa kerosakan atau kehilangan yang disebabkan oleh rusuhan dan kekecohan awam.

Memang sah la bukan silap kita kan! tapi kalau berlaku dan tak ada insurans tambahan ni, anda tak dapat claim apa-apa.

HARGA CUKAI JALAN (ROADTAX)

<https://www.mot.gov.my/my/land/operators/road-taxes>

CARA TUKAR NAMA KENDERAAN

Sebenarnya tidak lah sesukar mana untuk melakukan penukaran nama.

Untuk menukar nama di geran kereta di Malaysia, berikut adalah langkah-langkah yang perlu diikuti:

1. **Selesaikan Baki Bayaran:** Pastikan semua pembayaran kereta telah diselesaikan sebelum memulakan proses.

2. **Pemeriksaan Puspakom:** Kenderaan perlu diperiksa di Puspakom. Buat temu janji sebelum pergi, dan bayar yuran pemeriksaan yang biasanya adalah RM30. Pihak RTK juga boleh membantu anda dalam urusan dengan Puspakom, jika perlu, dengan sedikit kos pentadbiran.

3. **Urusan di JPJ:**

- Pemilik asal dan pemilik baru perlu hadir secara fizikal ke pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk pengesahan cap jari.
- Bawa dokumen seperti kad pengenalan dan geran asal kenderaan. Isi Borang JPJ K3 semasa proses ini.
- Setelah pengesahan, pemilik baru perlu memperbaharui insurans dan cukai jalan (road tax) di bawah nama mereka.

4. **Secara Online:** Anda juga boleh menukar nama secara online melalui portal MySikap.

- Daftar akaun jika belum ada, log masuk, dan ikuti langkah yang ditentukan untuk permohonan pertukaran hak milik.
- Pemilik lama dan baru perlu melengkapi prosedur yang berbeza di dalam portal.

5. **Dokumen Diperlukan:** Pastikan anda membawa semua dokumen yang diperlukan untuk mengelakkan masalah, termasuk:

- Kad Pengenalan (MyKad)
- Geran kenderaan atau Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC)

- Laporan pemeriksaan Puspakom.

Proses ini penting untuk memastikan hak milik kenderaan diubah secara sah dan untuk mengelakkan sebarang masalah di masa hadapan. Untuk maklumat lebih lanjut, anda boleh melawat laman web rasmi JPJ atau Puspakom.

CUKAI JALAN KERETA DAH MATI LEBIH DARIPADA 2 TAHUN. BAGAIMANA NAK DIHIDUPKAN SEMULA?

Cukai jalan kereta dah lama mati.
Macamana nak hidupkan semula?

Untuk kenderaan yang telah tamat tempoh insurans selama melebihi 3 tahun, maka pemeriksaan Puspakom adalah wajib. Pemeriksaan oleh Puspakom wajib dibuat, bagi mendapatkan cukai jalan.

Dalam kes ni, insurans boleh renew, tetapi roadtax takkan lepas. Bagaimana nak buat tu?

Cara-caranya mudah :

1. daftar secara online di www.puspakom.com.my, untuk mendapatkan temujanji
2. buat pemeriksaan.
3. Pastikan lulus pemeriksaan
4. Results serah pada ejen.
5. Ejen akan renewkan insurans dan juga cukai jalan

Atau cara 2

Ataupun, selain daripada pelanggan membuat sendiri pemeriksaan Puspakom, pelanggan boleh menggunakan perkhidmatan RTK dengan runner kami, bersyarat berada di kawasan Lembah Klang sahaja.

Rate boleh dirujuk kepada Adriana.

Kalau saya beli kereta
secara cash, boleh tidak
saya mengambil insurans
sendiri tanpa perlu guna
insurans yang kedai kereta
suruh saya ambil?

**Kalau saya beli kereta secara
cash, boleh ke saya mengambil
insurans sendiri tanpa perlu
guna insurans yang kedai
kereta suruh saya ambil?**

Jawapannya, BOLEH!

Syarikat jualan kereta tidak boleh memaksa anda
untuk membeli insurans dengan mereka. Tetapi

kebiasaannya, pihak syarikat jualan kereta akan pakejkan sekali insurans sewaktu pembelian kereta anda.

Hak anda sebagai pembeli adalah untuk memilih samada membeli insurans melalui mereka atau sendiri, seperti melalui RoadTax King.

Ingat, tiada paksaan dalam pembelian.

Duit anda, pilihan anda!